

03/08/2000

SPP, gaji minimum dibincang hari ini

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Sumber Manusia akan mengadakan pertemuan dengan wakil pekerja dan majikan esok, untuk membincangkan lebih lanjut mengenai isu Skim Penamatan Perkhidmatan (SPP) dan gaji minimum.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata kedua-dua isu itu akan dibincangkan dalam mesyuarat tidak rasmi antara tiga pihak, iaitu Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

"Kita mahu mendengar masalah sebenar secara khusus terhadap cadangan SPP itu supaya kita dapat menanganinya dengan meletak beberapa syarat terhadap skim itu.

"Misalnya, meminta pekerja membayar balik selepas diambil semula bekerja untuk disumbang kepada skim ini... menjadikannya seperti tabung pusingan. Saya rasa itu yang majikan mahu," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet di sini hari ini.

Sabtu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bersedia melaksanakan SPP untuk membantu pekerja yang diberhentikan syarikat yang menghadapi masalah mendapatkan pampasan sewajarnya, jika dipersetujui majikan yang diwakili MEF.

Dr Mahathir berkata, jika majikan tidak bersetuju dengan cadangan MTUC mengenai penubuhan tabung khas yang mana setiap pekerja akan menyumbang RM1 dan RM1 lagi sumbangan majikan, MEF boleh mengemukakan cadangan sendiri.

Sebelum ini, MEF, Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) dan Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (Mapa) membantah cadangan itu kerana ia dikatakan akan meningkatkan perbelanjaan operasi mereka.

Menurut mereka, skim seperti itu tidak perlu kerana pekerja sudah mendapat perlindungan secukupnya mengikut Akta Pekerjaan 1955.

Mengenai langkah kerajaan seterusnya jika MEF dalam mesyuarat esok terus berdegil, Dr Fong berkata, pihaknya akan cuba sedaya supaya untuk memujuk majikan.

"Kita tak boleh paksa mereka. Kita tidak mahu pengalaman empat lima bulan lalu yang mana sebuah syarikat di Pulau Pinang memberhentikan 2,000 pekerja tanpa diberi pampasan yang berjumlah RM10 juta.

"Untuk kes seperti ini, tabung SPP boleh digunakan. Misalnya, jika sebuah syarikat itu muflis tetapi tidak berupaya membayar pampasan, maka skim ini boleh membantu pekerja. Bagaimanapun, kerajaan akan bertindak jika syarikat itu sengaja mahu menipu pekerja," katanya.

(END)